BERWAJAH BAHARU
Edisi 2
April-Julai 2024

# BULETIN IKIM

Bil 2/2024

Institut Kefahaman Islam Malaysia • Institute of Islamic Understanding Malaysia • اينستيتوت كفهمن إسلام مليسيا




## GLOBAL MADANI FORUM 2024

### CATALYSING THE NEXT CIVILISATIONAL REVIVAL

Strategi Kearah Kebangkitan Ketamadunan Islam Serta Usaha Ke Arah Pengantarabangsaan Gagasan Malaysia MADANI.

halaman 9



halaman 4

*Majlis Menandatangani Letter of Intent (LoI) antara IKIM dan Muslim World League*



halaman 5

*Majlis Perasmian Pavilion Al-Falah & Pelancaran Buku-Buku Baharu Agensi Hal Ehwal Agama Islam sempena PBAKL2024*



halaman 6

*Kunjungan hormat delegasi IKIM ke Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)*

DISEDIAKAN OLEH:
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT IKIM
NO 2, LANGGAK TUNKU, OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM 50480 KUALA LUMPUR
no.tel : +03 62046200 emel : pr@ikim.gov.my laman rasmi: www.ikim.gov.my
@myikim





## MAJLIS IFTAR KDYMM SPB YANG DI-PERTUAN AGONG XVII BERSAMA AGENSI-AGENSI AGAMA & ASNAF MAIWP

**3 APRIL** - Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bersama Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah; Dr. Mohd Shaikh Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh; Tn. Hj. Ahmad Fuad Mat Ali dan Hajah Nik Hasnah binti Ismail telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa bersama KDYMM SPB Yang Di-Pertuan Agong dan KDYMM SPB Raja Permaisuri Agong di Istana Negara, Kuala Lumpur.  Majlis tersebut dihadiri oleh agensi-agensi agama dan asnaf MAIWP.

## KUNJUNGAN OLEH TIMB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

**8 APRIL** - YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), telah hadir ke konti radio IKIMfm sebagai tetamu rancangan Syariah dan Perundangan membicarakan tajuk Pemerkasaan Mahkamah Syariah.




## BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK IKIM 2024-2028 & PELAN RISIKO





**19 APRIL** - Sesi Bengkel Pembangunan Pelan Strategik IKIM 2024-2028 dan Daftar Risiko telah diadakan pada 19 dan 20 April 2024, di Hotel Dorsett, Putrajaya. Bengkel selama dua hari itu dipengerusikan oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM.

# KUNJUNGAN HORMAT IKIM KE TELEKOM MALAYSIA (TM)





**24 APRIL** - Delegasi IKIM diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil; Ketua Pengarah IKIM telah mengadakan kunjungan hormat dan sesi perbincangan kepada pihak Telekom Malaysia (TM). Kehadiran delegasi IKIM disambut oleh Pn. Shazurawati binti Abd Karim, Naib Presiden TM One, di TM Kampus, Cyberjaya.

# BENGKEL AMALAN KEHAKIMAN KAEDAH FIQH DALAM ALASAN PENGHAKIMAN MAHKAMAH SYARIAH






**30 APRIL** - Bengkel Amalan Kehakiman Kaedah Fiqh Dalam Alasan Penghakiman Mahkamah Syariah anjuran Pusat SYARAK IKIM dan Jabatan Kehakiman Syariah Perak diadakan di Travelodge Hotel Ipoh, Perak.

Bengkel dipengerusikan oleh YAA Dato' Haji Ab Rahman Thobroni bin Haji Mohd Mansor, Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak, sementara Dr. Mohd Farid bin Mohd Shahran, Pengarah Pusat SYARAK IKIM menyampaikan syarahan pada bengkel tersebut.





## MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI AGENSI-AGENSI DI BAWAH YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

**2 MEI** - YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merasmikan Majlis Sambutan Aidilfitri agensi-agensi di bawah YB JPM (HEA) bagi tahun 2024. Turut hadir YB Senator. Dr. Zulkifli Hassan; Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama; Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM. Pada majlis ini, reruai IKIM mendapat tempat kedua dalam pertandingan reruai tercantik.

## MAJLIS MENANDATANGANI LETTER OF INTENT (LOI) ANTARA IKIM & MUSLIM WORLD LEAGUE

**8 MEI** - Majlis Menandatangani Letter of Intent (LoI) antara IKIM dan Muslim World League telah berlangsung di Pejabat Muslim World League di Petaling Jaya, Selangor. Dokumen LoI tersebut ditandatangani oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan Dr. Mohammed Ahmad Gharawi bagi pihak Muslim World League.

Majlis disaksikan oleh Sheikh Dr. Mohammad Abdul Karim Al-Issa, Setiausaha Agung Liga Dunia Islam (MWL); YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM.






## KUNJUNGAN OLEH MENTERI BESAR SELANGOR

**15 MEI** - Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari telah hadir ke konti IKIMfm untuk mempromosikan Festival Turath Islami Selangor 2024 (FTIS).

Kehadiran beliau disambut oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM; Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM serta Tn. Hji. Ahmad Fuad Mat Ali, Pengarah Pusat Media IKIM.

## MAJLIS PELANCARAN BUKU BAHARU IKIM SIRI INFOGRAFIK HIFZ AL-MAL 2024

**28 MEI** - Majlis Pelancaran Buku Baharu IKIM Siri Infografik Hifz Al-Mal sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024 (PBAKL 2024) telah diadakan di Pentas Utama, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL). Majlis itu telah dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM.








## MAJLIS PERASMIAN DEWAN AL-FALAH & PELANCARAN BUKU-BUKU BAHARU AGENSI HAL EHWAL AGAMA ISLAM SEMPENA PBAKL2024

**31 MEI** - Majlis Perasmian Pavilion Al-Falah dan Pelancaran Buku-Buku Baharu Agensi Hal Ehwal Agama Islam sempena Ekspo Buku & Pameran Agensi Pengurusan Hal Ehwal Agama Islam itu telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Pentas Utama WTCKL.

Hadir sama ialah YB Senator Dr. Zulkifli Hassan, Timbalan Menteri di JPM(HEA); Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM serta ketua-ketua Agensi Hal Ehwal Agama Islam.

## MAJLIS PERSIDANGAN MEJA BULAT KEFAHAMAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI DALAM KERANGKA ISLAM

**6 JUN**- Majlis Persidangan Meja Bulat Kefahaman Sains, Teknologi & Inovasi dalam Kerangka Islam dirasmikan oleh Dr. Mohd. Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM di Bilik Bunga Raya, Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

Persidangan itu diadakan dengan objektif membincangkan langkah-langkah dan peranan agama dalam membentuk pemahaman mengenai sains, teknologi, dan inovasi dalam pendidikan generasi masa kini.





# PROGRAM IBADAH KORBAN IKIM SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 1445H

**19 JUN-** Program Ibadah Korban IKIM 1445H telah dilaksanakan di kawasan tapak riadah premis IKIM yang bertujuan untuk menjalin ukhuwah persaudaraan di kalangan warga kerja dan golongan yang memerlukan.





## KUNJUNGAN HORMAT OLEH AGENSI KAUNSELING & PENGURUSAN KREDIT (AKPK)

**13 JUN-** Kunjungan hormat oleh delegasi AKPK kepada Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Bilik Mesyuarat Blok E, Darul Hikmah, IKIM. Perbincangan menyentuh kerjasama strategik antara kedua pihak.








## KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI IKIM KE MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

**16 JUN -** Kunjungan hormat delegasi IKIM ke Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) diketuai oleh Prof. Dato’ Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM disambut oleh Tuan Syed Kamarulzaman Syed Kabeer, Pengerusi MAIWP di Pejabat Pengerusi MAIWP. Delegasi IKIM turut disertai Dato’ Wan Mohamad Dato’ Syeikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi IKIM dan Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil**,** Ketua Pengarah IKIM.



## KUNJUNGAN HORMAT OLEH MUKTAMAR MASJID SEMALAYSIA UNTUK AL-AQSA DAN PALESTIN (MM4AP)

**24 JUN**- Kunjungan hormat delegasi Muktamar Masjid SeMalaysia Untuk Al-Aqsa dan Palestin (MM4AP) kepada Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM berlangsung di Bilik Mesyuarat Darul Hikmah IKIM.

## LAWATAN KHAS IKIM KEPADA PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN MUALLAF SABAH

**24 JUN**- Mesyuarat dan kunjungan hormat IKIM kepada Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufik Yap Yun Hin, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Mualaf Sabah, diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM telah berlangsung di Wisma MUIS. Mesyuarat itu turut dihadiri oleh Dr. Mohd Farid Mohd Shahran, Pengarah Pusat SYARAK IKIM dan Tn. Hj. Ahmad Fuad Mat Ali, Pengarah Pusat Media IKIM.

Perbincangan melibatkan kerjasama dalam penganjuran program seminar dan acara lapangan untuk menyantuni golongan muallaf serta penajaan program di radio IKIMfm.






## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 & ANUGERAH KHIDMAT SETIA IKIM 2024

**26 JUN**- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 dan Anugerah Khidmat Setia 2024 Institut Kefahaman Islam Malaysia yang diadakan di Dewan Seminar, Agensi Angkasa Malaysia (MYSA). Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM.

Majlis itu bertujuan untuk meraikan pencapaian cemerlang warga kerja IKIM serta menghargai jasa dan khidmat mereka yang telah berkhidmat selama 15 tahun. Seramai 13 orang warga IKIM telah menerima anugerah tersebut pada tahun ini. Sekalung tahniah diucapkan.



## KUNJUNGAN HORMAT OLEH ISLAMIC BANKING & FINANCE INSTITUTE OF MALAYSIA (IBFIM)

**27 JUN-** Kunjungan hormat delegasi Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (IBFIM), diketuai oleh En. Yusry Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif IBFIM kepada Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, berlangsung di Radio IKIM.

## KUNJUNGAN HORMAT DARI UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH (USAS)

**29 JUN-** Kunjungan hormat dan sesi perbincangan mengenai kerjasama untuk mengadakan WCIT2024 melibatkan delegasi dari Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Wan Sabri Wan Yusof, Prof. Dato' Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera, En. Zurul Na'im Zainol Rashid dan Dr. Roslan Abdul Rahim kepada Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM di Radio IKIM.









## SIDANG MEDIA KHAS GLOBAL FORUM MADANI 2024 CATALYSING THE NEXT CIVILISATIONAL REVIVAL

**4 JULAI-** Sidang media khas sempena penganjuran Global MADANI Forum 2024 diadakan di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM; Tn. Haji Mohd Yusof Hassan, Naib Presiden WADAH; dan Pn. Nadzariah Mohamed, Ketua Operasi TV AlHijrah.

# LAWATAN & SYARAHAN KHAS OLEH SHEIKH IMAM BESAR AL-AZHAR



**4 JULAI**- Lawatan dan syarahan khas oleh Profesor Dr. Ahmad Muhammad Ahmad At-Tayyeb Sheikh Al-Azhar Al-Sharif, dihadiri oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Mohd Naim Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama); Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty , Pengerusi IKIM; Prof. Madya' Dato' Dr. Mohamad Azam bin Mohamad Adil, Ketua Pengarah IKIM serta ahli lembaga pengarah dan barisan pengurusan IKIM. Acara tersebut diadakan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).



# GLOBAL FORUM MADANI 2024 CATALYSING THE NEXT CIVILISATIONAL REVIVAL






**10 JULAI**- Global Forum MADANI 2024, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama WADAH Malaysia, telah berlangsung di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur pada 10 dan 11 Julai 2024. Majlis perasmian itu telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

Forum tersebut turut dihadiri oleh Sheikh Dr. Ali Muhyiddin Al-Qaradaghi, Presiden Kesatuan Ulama Islam Sedunia serta Prof. Dr. Omar Hasan K. Kasule, Ahli Pakar dalam Ketamadunan Islam, yang berkongsi idea dan pengalaman beliau dengan para peserta yang hadir.



## MAJLIS MUZAKARAH PAKAR POTENSI WAKAF MUAQQAT DALAM AGENDA WAKAF SEMASA DI MALAYSIA

**16 JULAI**- Majlis Muzakarah Pakar Potensi Wakaf Muaqqat dalam Agenda Wakaf Semasa di Malaysia telah diadakan di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM telah menyampaikan ucapan aluan pada muzakarah tersebut. Majlis turut dihadiri oleh Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM serta Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengerusi IKIM.



## KUNJUNGAN HORMAT IKIM KE SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

**16 JULAI**- Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM mengetuai delegasi kunjungan hormat kepada pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Kehadiran delegasi IKIM disambut oleh En. Nik Zunaidi Zakaria, Pengurus Kanan, Seksyen Pengurusan Tadbir Urus Korporat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

## KUNJUNGAN HORMAT IKIM KE DEWAN BAHASA & PUSTAKA (DBP)



**18 JULAI**- Kunjungan hormat delegasi IKIM ke Pusat Dokumentasi Melayu DBP telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Lembaga Pengelola DBP yang diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM disambut oleh Ketua Pengarah DBP, Dr. Hazami Jahari. Hadir sama dalam lawatan tersebut adalah Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM.

## LAWATAN MAHABBAH IKIM KE MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS)




**19 JULAI**- Lawatan kerjasama IKIM ke Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah diadakan di Menara MAINS, Seremban, Negeri Sembilan. Delegasi IKIM yang diketuai oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM bersama En. Al-Iskandar Mokhtar, Pengurus Besar Bahagian Ekonomi & Pemasaran IKIM telah disambut oleh Tn. Hj. Zainal bin Said, Setiausaha MAINS.

# MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PELANTIKAN MUTAWALLI DI ANTARA IKIM & MAIWP SERTA PRA PELANCARAN TABUNG DANA WAKAF IKIM




**16 JULAI-** Majlis Menandatangani Perjanjian Pelantikan Mutawalli di antara Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) serta Pra Pelancaran Tabung Dana Wakaf IKIM telah diadakan di Diamond Room, Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur.

Dokumen perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, manakala MAIWP diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd Nizam Haji Yahya. Perjanjian ini disaksikan oleh Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty Pengerusi IKIM, Pengerusi MAIWP; Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Kabeer, Pengerusi MAIWP dan Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM.



# KUNJUNGAN HORMAT OLEH MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA (MUIS)




**26 JULAI-** Kunjungan hormat delegasi Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Blok A, IKIM. Kunjungan tersebut melibatkan pertemuan dengan Dr. Muhammad Syafiq bin Borhanuddin dengan bertujuan untuk membincangkan modul kerjasama dalam program "Thinking With Wisdom 2024".



# MESYUARAT KHAS PENYELARASAN PROJEK OLEH JABATAN KERJA RAYA (JKR)

**23 JULAI-** Mesyuarat khas penyelarasan projek menaiktaraf bangunan Blok B, IKIM telah dipengerusikan oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil , Ketua Pengarah IKIM . Manakala pihak JKR diwakili oleh Dato' AR. IDR. Azman Md. Hashim, Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan AM1, Jabatan Kerja Raya serta Ketua Pasukan Reka Bentuk JKR.

# SEKALUNG TAHNIAH


















# INFOGRAFIK


INSPIRASI HARIAN
AL-FATIHAH
PENAWAR PENYAKIT
Firman Allah SWT:
وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ
Maksudnya: Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya.
(Surah al-Isra': 82)
1.
Para fuqaha' telah mengharuskan untuk merawat pesakit dengan memohon kesembuhan secara membaca al-Quran.
Ibn Abidin berkata: Keharusan ini telah diamalkan oleh orang ramai sampai ke hari ini dan thabit dengan hadis atau athar.
2.
Imam al-Nawawi berkata: Sunat membaca kepada orang yang sakit dengan al-Fatihah berdasarkan hadith Nabi SAW:
وَمَا أَدْرَاكَ أَنَّهَا رُقْيَةٌ ؟
Maksudnya: Tidakkah kamu ketahui bahawa surah Fatihah itu bersifat ruqyah?.
Riwayat al-Bukhari (5736) dan Muslim (2201)
3.
Kelebihan surah al-Fatihah ini dapat dirujuk kepada peristiwa bagaimana seorang sahabat Rasulullah SAW bernama Abu Sa'id al-Khudri R.A yang telah menjampi seorang ketua kabilah yang terkena sengatan binatang berbisa. Beliau membaca al-Fatihah untuk merawat dan dengan izin Allah SWT, ketua kabilah itu sembuh seperti sediakala.
MALAYSIA MADANI
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)
IKIMfm tvIKIM PENERBIT IKIM Perpustakaan TUN AHMAD SARJI
www.ikim.gov.my @myikim
Institut Kefahaman Islam Malaysia


INSPIRASI HARIAN
LARANGAN MENINGGALKAN
SOLAT JUMAAT 3 Kali
DENGAN SENGAJA
Firman Allah SWT:
Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan Adzan untuk mengerjakan solat pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan solat jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).
(QS Al-Jumu'ah 9)
Rasulullah SAW bersabda:
"Sesiapa yang meninggalkan tiga kali Solat Jumaat kerana mengambil mudah akannya, nescaya Allah akan mengunci jantung hatinya."
(HR Abu Daud (1052))
MALAYSIA MADANI
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)
IKIMfm tvIKIM PENERBIT IKIM Perpustakaan TUN AHMAD SARJI
www.ikim.gov.my @myikim
Institut Kefahaman Islam Malaysia


INSPIRASI HARIAN
Iman itu, boleh Naik & Turun.
Sering-seringlah meminta ketetapan hati di atas ketaatan.
Kerana kita tidak tahu bagaimana pengakhiran kita disaat kematian menghampiri.
"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah."
(Surah al-Anfal: 2)
MALAYSIA MADANI
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)
IKIMfm tvIKIM PENERBIT IKIM Perpustakaan TUN AHMAD SARJI
www.ikim.gov.my @myikim
Institu Kefahaman Islam Malaysia


Urusanmu menjadi mudah dengan
SOLAT SUNAT DHUHA
Rasulullah SAW bersabda:
"Allah SWT berfirman: Wahai anak Adam, janganlah engkau tinggalkan empat rakaat di awal siang hari (di waktu Dhuha). Maka itu akan mencukupimu di akhir siang."
(HR Ahmad (5/286))
Waktu Solat ialah
8.30 pagi -12.30 tghri
iaitu sekitar 20-30 minit selepas terbit matahari & tamat ketika hampirnya gelinciran matahari.
Dikerjakan biasa pada dua, empat, enam atau lapan rakaat dengan setiap
2 rakaat disusuli 1 salam
Niat solat Dhuha:
Sahaja aku Solat Sunat Dhuha dua rakaat kerana Allah Ta'ala
Kebiasaannya dibacakan
Surah ad-Dhuha
namun dibolehkan surah yang mudah dihafazkan dalam solat
MALAYSIA MADANI
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)
IKIMfm tvIKIM PENERBIT IKIM Perpustakaan TUN AHMAD SARJI
www.ikim.gov.my @myikim
Institu Kefahaman Islam Malaysia


Hukum dalam mendatangi
DUKUN & BOMOH
Sabda Rasulullah SAW :
Sesiapa yang mendatangi tukang ramal (dukun) dan sekadar bertanya kepadanya tentang sesuatu, maka tidak diterima solatnya selama empat puluh malam.
- [HR Muslim 5957].
Sesiapa yang mendatangi bomoh atau tukang ramal, lalu dia mempercayai apa yang dikatakannya, maka sungguh ia telah kufur kepada apa yang diturunkan olehku. Tidak ada yang mengetahui hal-hal ghaib kecuali Allah - [HR Ahmad 9171].
Ritual dan amalan seorang dukun bomoh
1. Mengaku bahwa dia tahu hal-hal ghaib
2. Biasa bertanyakan nama pelanggan/mangsa & nama ibunya
3. Menanyakan kesulitan dihadapi.
4. Meminta jenis haiwan dengan kriteria tertentu untuk disembelih bagi mujarab.
5. Menulis rajah-rajah, tulisan Arab yang berbolak balik, simbol dll.
6. Meminta objek kepunyaan mangsa untuk penjejak seperti gambar, kain.
7. Memberi pelanggan ubat atau barang yang dikatakan mustajab keberkesanannya dengan harus ditanam di dalam tanah, atau digantung sebagai azimat.
HARAM & SYIRIK UNTUK BERGANTUNG NASIB SELAIN DARIPADA ALLAH DAN TIDAK MEMPERCAYAI QADA' & QADR'
MALAYSIA MADANI
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)
IKIMfm tvIKIM PENERBIT IKIM Perpustakaan TUN AHMAD SARJI
www.ikim.gov.my @myikim
Institut Kefahaman Islam Malaysia


INSPIRASI HARIAN
Meraih pahala sebesar
PAHALA HAJI
Dari Sahabat Abu Umamah radhiyallahu'anhu Rasulullah SAW bersabda:
"Seseorang yang berangkat menuju ke masjid dan dia tidak memiliki tujuan selain untuk mempelajari kebaikan atau mengajarkan kebaikan, dia mendapatkan balasan sebesar pahala orang berhaji yang sempurna hajinya."
(HR Ath-Thabrani, disahihkan oleh Al-Allamah Al-Albani dalam Sahih Targhib no.86)
MALAYSIA MADANI
UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)
IKIMfm tvIKIM PENERBIT IKIM Perpustakaan TUN AHMAD SARJI
www.ikim.gov.my @myikim
Institut Kefahaman Islam Malaysia

# LIPUTAN AKHBAR



BH Rabu, 3 April 2024 | Agama | 21

## Nilai semula sejauh mana Ramadan tingkat kawalan diri

Oleh Dr Mohd Zaidi Ismail
bhagama@bh.com.my

Timbalan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

**Tinggal** kira-kira seminggu lagi untuk anak bulan Syawal 1445 Hijrah terbit, sekali gus menandakan umat Islam di serata dunia menyambut Aidilfitri.

Ramadan bakal ditinggalkan tanpa kepastian bahawa apakah kita semua bakal bertemu semula dengan bulan penuh berkat ini pada tahun berikutnya.

Yang lebih utama lagi adalah persoalan sama ada ibadat puasa dilaksanakan sepanjang sebulan ini benar-benar memberi kesan bermakna pada diri orang Islam.

Barangkali, akan ada yang bertanya, kesan

Namun, sebagaimana dijelaskan alim ulama, penahanan diri itu tiada terhenti pada takat permulaan itu. Malah, puasa seseorang itu sewajarnya maju meningkat kepada kawalan diri daripada sebarang perbuatan anggota badannya merosakkan.

Misalnya, seseorang Islam sepatutnya mengawal matanya daripada melihat apa tidak baik, mengelakkan telinganya daripada mendengar apa keji dan menahan tangannya daripada kegiatan memudaratkan.

**Puasa wajar majukan diri**

Bahkan, daya kawal diri mencirikan puasa ini wajar memajukan diri seorang Islam kepada tingkat kelolaan daya fikir seutuhnya daripada tumpuan kepada perkara tidak atau kurang penting,

kawalan diri paling asas.

Ini tidak mengambil kira penggunaan plastik berleluasa, khasnya ketika penganjuran majlis berbuka puasa, moreh dan sahur pada pelbagai peringkat masyarakat, selain pembelian juadah iftar melebihi keperluan.

Sekiranya kita tidak dapat mengawal diri daripada menyebarkan berita yang tiada dapat dipastikan kesahihannya melalui media sosial dengan sentuhan jari tangan kita sepanjang sebulan berpuasa, kita sebenarnya gagal pada tingkat kawalan diri kedua.

Seandainya dalam tempoh sebulan berpuasa, orang Islam berkuasa masih membiarkan diri mereka disibukkan dengan pelbagai agenda yang akhirnya hanya menguntungkan diri peribadi atau kelompok terhad mereka masing-masing,

Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, Timbalan Pengarah IKIM, berkongsi pandangan dalam ruangan akhbar Berita Harian, 3 April 2024 (Rabu).

Dr. Mohd Farid Mohd Shahran, Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK) berkongsi pandangan dalam ruangan akhbar Berita Harian, 24 April 2024 (Rabu).



MukaSepuluh

## Perluas spektrum pembangunan syariah suburkan kefahaman Islam

• Kemajuan perkembangan kaedah syariah di Malaysia tidak harus dibataskan hanya dari sudut undang-undang dan kehakiman, sebaliknya semangat syariah harus dilihat dari sudut kandungan Islam secara keseluruhan

• Apabila syariah disempitkan hanya kepada makna undang-undang, ia membawa kepada implikasi pemikiran sekiranya undang-undang agama Islam tercabar, maka keseluruhan agama Islam terbakis

Oleh Dr Mohd Farid Mohd Shahran
bhrencana@bh.com.my

"Semangat syariah sendiri harus dilihat dari sudut kandungan Islam secara keseluruhan. Syariah sendiri bermaksud jalan memandu atau 'mata air' menjadi sumber kehidupan manusia"



BH AHAD 7 April 2024 | Nasional | 13

## Rakyat perlu dididik hayati Perlembagaan

Datuk Dr Muhammad Nur Manuty

Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM, dalam temubual khas di akhbar Berita Harian 7 April 2024 (Ahad).

# LIPUTAN AKHBAR



12 Rencana Jumaat, 29 Mei 2024

## Rapatkan saf hadapi provokasi terhadap Islam, jauhi fahaman melampau

- Pendekatan hidup dalam keadaan aman dan damai seperti ditekankan dalam Fiqh al-Ta'ayush hendaklah diterapkan dalam semua lapisan masyarakat
- Sekiranya gejala khawarij baharu dan ghuluw tidak dibendung, dikhuatiri tindakan mengkafirkan seterunya akan menimbulkan perpecahan rakyat selain menjejaskan imej Islam

Oleh Prof Madya Datuk Dr Mohamed Azam Mohamed Adil dan Dr Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah
bhrencana@bh.com.my

rof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM dan Dr. Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah, Pembantu Penyelidik IKIM, berkongsi pandangan dalam ruangan akhbar Berita Harian, 29 Mei 2024 (Jumaat).



28 APRIL 2024 AGAMA PERSPEKTIF 39

## Sampaikan kefahaman agama, suburkan keharmonian

Oleh Siti Fatimah Abdul Rahman

Pn. Hajah Siti Fatimah Abdul Rahman, Felow Kanan, Pusat Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS), berkongsi pandangan dalam ruangan akhbar Berita Harian, 28 April 2024 (Ahad).

# BULETIN IKIM

Edisi 2 | April - Julai 2024

@myikim